

Integriti pelihara sifat am

Pendedahan Ketua Audit Negara kes salah urus

B.H. M/S 14 28.10.07

Soal Jawab

Tindakan BPR sejak Isnin lalu mengheret penjawat awam ke mahkamah bersabit kes penyelewengan dana awam memberi kesan langsung kepada imej sektor awam. Adakah langkah ini boleh dilihat sebahagian daripada proses 'membersihkan' sektor awam daripada gejala negatif.

Memanglah itu tujuannya... Tapi ada dua peringkat sebenarnya. Pertamanya, orang yang terbabit itu, maknanya mereka yang didapati bersalah tidak akan terus berada dalam sistem. Inilah apa yang dimaksudkan saya ada 'exit policy'... Dia tidak ada tempat dalam kerajaan. Apa yang lebih penting ialah supaya perkara sedemikian tidak berulang, supaya orang lain yang tidak buat, jangan buat. Itulah mesej yang kita tekankan yang kita jangan buat. Sebab itu yang ada keluar dalam akhbar ini (liputan kes salah urus dana awam) baguslah supaya ia menjadi pengajaran kepada kita supaya kita menjauhkan diri daripada melakukan sesuatu itu. Saya juga tekankan, kebanyakan pegawai penjawat awam, semuanya bertanggungjawab dan ada yang segelintir kecil yang tidak bertanggungjawab. Mereka ini yang membusukkan dan memberi imej negatif, kita tidak mahu ia berlarutan dan itulah yang diambil.

Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang, dilaporkan menyebut pendedahan yang dibuat dalam Laporan Ketua Audit Negara 2006 adalah berdasarkan kes yang diambil secara rawak. Ini bermakna, kemungkinan lebih banyak kes penyelewengan berlaku dalam sektor awam. Apakah perlu mekanisme pengurusan dana awam di jabatan dan agensi kerajaan dipertingkatkan demi integriti kerajaan.

SEJAK Isnin lalu, Badan Pencegah Rasuah (BPR) mengheret ke mahkamah kakitangan kerajaan yang terbabit dalam kes penyelewengan dana awam. BPR yang bertindak susulan Laporan Ketua Audit Negara 2006, dilaporkan akan menahan lebih ramai lagi individu melakukan kesalahan sama. Sejauh manakah tindakan ini memberi kesan kepada imej dan integriti sektor awam? Apakah pula langkah diambil kerajaan membendung perbuatan menyeleweng, pecah amanah dan salah guna kuasa di kalangan penjawat awam? Ikuti temu bual wartawan Berita Minggu, SHAMSHUL AZREE SAMSHIR bersama Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Sidek Hassan mengenai isu salah urus dan awam serta langkah kerajaan memastikan pentadbiran dan sistem penyampaian kerajaan efektif dan penuh integriti

Memangnya, (soal) integriti ini ditekankan... Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi ketika beliau mengambil alih sebagai ketua kerajaan menekankan integriti dan ditubuhkan Institut Integriti Malaysia (IIM) di mana KSN adalah pengurusinya. Konsep integriti sedang diserapkan dalam perkhidmatan kerajaan pada pelbagai peringkat, ini adalah benteng yang terkuat dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab kita, bukan BPR atau polis, benteng kita ialah integriti kita. Itu yang Perdana Menteri sebutkan ketika menutup seminar integriti ba-

ru-baru ini (Konvensyen Integriti Nasional 2007 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), bulan lalu), bahawa jika dari kecil lagi kita ajar anak-anak kita, kita didik mereka mengenai pentingnya integriti, tidak mahu berbohong, tidak mahu tipu, cakap yang benar dan buat benda yang baik. Jadi bila kita serapkan peribadi sedemikian, bila mereka keluar sekolah, mula bekerja, mereka begitu. Sayapun umpamanya, tidak boleh semua tempat. Maknanya, oleh yang demikian, Ketua Setiausaha (KSU), Timbalan KSU, pegawai dan semua oranglah, kita buat kerja yang



“Kebanyakan pegawai penjawat awam, semuanya bertanggungjawab dan ada yang segelintir kecil yang tidak bertanggungjawab”

manah penjawat awam

dana untuk tingkat prestasi jabatan kerajaan

baik itu bukan sebab ada orang di belakang kita. Kita buat itu sebab ada integriti, inilah pentingnya, inilah budaya yang kita perlu serapkan dan insya-Allah, lambat-laun perkara ini akan dibudayakan.

? BPR juga mengakui wujud kelemahan dalam pengurusan dana awam. Keadaan ini jika dibiarkan berterusan akan menyebabkan kerajaan menanggung kerugian lebih besar. Apakah kerajaan akan menyusun semula strategi dalam sistem pengurusan dana awam supaya tidak terdedah kepada penyelewengan dan salah urus.

Dia ada pegawai pengawal, KSU adalah pengawal bagi kementerian. Adalah tanggungjawab mereka untuk mengawal, memastikan perbelanjaan dilakukan dengan berhemah, mengikut peraturan. Dari segi konsep integriti tadi mereka perlu, tapi bukan setakat mereka saja. Maknanya semua pegawai di bawah pegawai pengawal iaitu TKSU, pengarah kanan sampai ke paling rendah sekali mesti membudayakan integriti ini. Pokoknya, sekarang ini apa terjadi jika mereka tidak mengikut tata cara ini, peraturan ini, itulah yang kita ambil tindakan ini. Tapi ramai yang baik, *most of the people (penjawat awam) are good. I must stress that.*

? Tan Sri menekankan aspek penguatkuasaan dan pematuhan amat penting dalam jentera kerajaan. Bagaimana perkara ini dipantau bagi memastikan sistem penyampaian kerajaan efektif.

Di setiap kementerian ada jawatankuasa integriti yang bermesyuarat secara berkala. Di sinilah mereka memantau; tapi pada sayalah, yang pentingnya ialah penghayatan. Ini bermakna, kita semua harus menguatkuasakan peraturan, (tapi) kalau orang tak mengikut (patuh), itu (bermakna) tidak hayati. Kita mesti terus tekankan mengenai pentingnya integriti ini. Orang tidak nampakpun tidak mengapa kerana Tuhan nampak apa yang kita buat.



? Perdana Menteri melancarkan Pelan Integriti Nasional (PIN) pada 23 April 2004. Sejak dari itu, apakah keberkesanan yang dilihat melalui pelbagai program penghayatan nilai integriti di kalangan kakitangan kerajaan.

Dari semasa ke semasa, Ketua Audit Negara umpamanya, beliau ada membuat laporan. Tapi banyak mana boleh dia 'cover', dia kata rawak dan sebagainya. Tapi setiap pegawai yang melaksanakan kerja itu, mereka mesti tahu dan mesti menghayati dan mengikut semua peraturan. Apa lebih penting semua pegawai di semua kementerian dan jabatan sendiri mereka perlu menghayati. Saya sendiri pun mendapat banyak surat dari orang awam. Masyarakat kini sudah tahu tanggungjawab mereka dan mereka sendiri melaporkan. Jadi oleh yang demikian, kalau kita tahu, orangpun tahu, kita lebih berwaspada dan bagi mereka yang mungkin tidak betul itu, mereka lebih berwaspada akan perlunya berintegriti.

“ Konsep integriti sedang diserapkan dalam perkhidmatan kerajaan pada pelbagai peringkat, ini adalah benteng yang terkuat dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab kita, bukan BPR atau polis, benteng kita ialah integriti kita”